

KHUTBAH JUMAAT

“ISTIQAMAH MELAKSANAKAN KETAATAN, BEKERJASAMA MENJAGA KEAMANAN”

(27 Mac 2026M/ 07 Syawal 1447H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا إِلَى الصِّرَاطِ الْمُسْتَقِيمِ، وَخَلَقَ
الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ، وَبَعَثَ إِلَيْنَا رَسُولَهُ الْكَرِيمَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ
إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ، حَبِيبِنَا الْكَرِيمِ، وَرَسُولِنَا الْعَظِيمِ،
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ،
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat.

Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang boleh menghapuskan pahala Jumaat seperti berbual-bual dan menggunakan telefon. Marilah kita bersama-sama mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk : ***'Istiqamah Melaksanakan Ketaatan, Bekerjasama Menjaga Keamanan'***.

Kaum muslimin yang berbahagia,

Sudah seminggu bulan Ramadan meninggalkan kita. Bulan yang penuh dengan rahmat, keberkatan dan keampunan. Bulan yang telah membantu kita untuk mendidik diri, menjadi insan yang lebih baik, khususnya dalam aqidah, ibadah dan akhlak kita. Hasil daripada latihan dan didikan yang telah diperoleh itu hendaklah kita teruskan dan suburkan agar manfaatnya berkekalan selamanya. Meneruskan ibadah dan kebaikan bermakna, kita juga berusaha untuk tidak kembali kepada nilai negatif lampau, setelah meraih kemanisan iman dan kerohanian dalam bulan Ramadan.

Justeru, khatib ingin mengajak para jemaah untuk bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala*, yang menekankan akan kepentingan istiqamah atau konsisten dalam melakukan ketaatan dan amal soleh serta meninggalkan segala larangan-Nya. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahqaf, ayat 13:

إِنَّ الَّذِينَ قَالُوا رَبُّنَا اللَّهُ ثُمَّ اسْتَقَامُوا فَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ

Maksudnya: *Sesungguhnya orang yang menegaskan keyakinannya dengan berkata: "Tuhan kami ialah Allah", kemudian mereka tetap teguh di atas jalan yang betul (dengan pengakuan iman dan tauhidnya itu), maka tidak ada kebimbangan (dari sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita.*

Sheikh Doktor Muhammad Sayyid Tontowi *rahimahullah* dalam kitab *at-Tafsir al-Wasit*, menjelaskan makna istiqamah dalam ayat tadi

sebagai melaksanakan segala yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* kepada mereka dengan ikhlas dan taat, serta menghindarkan diri bersungguh-sungguh daripada melakukan segala perkara yang ditegah oleh Allah *subhanahu wata'ala*.

Istiqamah atau konsisten dalam beribadah adalah ciri penting yang membawa kepada kejayaan di dunia dan akhirat. Daripada Aishah *radiallahu anha* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* pernah ditanya berkaitan amalan yang paling disukai oleh Allah *subhanahu wata'ala*. Baginda *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((أَذْوُمُهَا وَإِنْ قَلَّ))

Maksudnya: *Amalan yang dilakukan secara konsisten, walaupun sedikit.*

(Hadis riwayat Imam al-Bukhari)

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Terdapat tiga perkara yang boleh kita lakukan sebagai usaha untuk mengekalkan amalan baik dan menghindarkan diri daripada kembali kepada tabiat negatif:

Pertama: Menjaga tutur kata dan bual bicara.

Pada zaman ini, penjagaan pertuturan tidak terhad kepada menjaga tuturkata sahaja, bahkan komunikasi dalam talian. Setiap patah kata yang diungkapkan ataupun tulisan yang dicoretkan, mempunyai akibat dan kesan. Kita mesti mengelakkan tuturkata yang kesat, menghina, merendah dan meremehkan orang lain. Kita hendaklah sentiasa ingat bahawa semuanya akan dipertanggungjawabkan di

Hari Akhirat kelak. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Kahfi, ayat 49:

وَوُضِعَ الْكِتَابُ فَتَرَى الْمُجْرِمِينَ مُشْفِقِينَ مِمَّا فِيهِ وَيَقُولُونَ يَوَيْلَتَنَا مَا لِ
هَذَا الْكِتَابِ لَا يُغَادِرُ صَغِيرَةً وَلَا كَبِيرَةً إِلَّا أَحْصَاهَا وَوَجَدُوا مَا عَمِلُوا
حَاضِرًا ۚ وَلَا يَظْلِمُ رَبُّكَ أَحَدًا (٤٩)

Maksudnya: Dan "Kitab-kitab Amal" juga tetap akan dibentangkan, maka engkau akan melihat orang yang berdosa itu, merasa takut akan apa yang tersurat di dalamnya; dan mereka akan berkata: "Aduhai binasalah kami, mengapa kitab ini demikian keadaannya? Ia tidak meninggalkan yang kecil atau yang besar, melainkan semua dihitungnya!" Dan mereka dapati segala yang mereka kerjakan itu sedia (tertulis di dalamnya); dan (ingatlah) Tuhanmu tidak berlaku zalim kepada seseorang pun.

Kedua: Bergaul dan bersahabat dengan orang yang soleh.

Perjalanan rohani kita amat dipengaruhi oleh sahabat yang kita pilih. Jika kita bergaul dengan orang yang akan mengingatkan kita kepada Allah *subhanahu wata'ala*, maka mereka akan membimbing kita ke arah kebaikan dan menasihati kita tatkala tersasar. Daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* bahawa Nabi *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((الرَّجُلُ عَلَى دِينِ خَلِيلِهِ، فَلْيَنْظُرْ أَحَدُكُمْ مَنْ يُخَالِلُ))

Maksudnya: Seseorang itu berada atas adat kebiasaan, jalan dan cara hidup sahabatnya (iaitu terpengaruh dengannya). Justeru, kamu hendaklah teliti dan berfikiran jauh dalam memilih sahabat.

(Hadis riwayat Imam Abu Daud dan Imam at-Tirmizi)

Ketiga: Bersungguh-sungguh menuntut ilmu yang bermanfaat.

Melalui pengajian ilmu yang betul daripada guru yang mahir, kita akan memperolehi kefahaman yang tepat dan mendalam untuk kekal istiqamah (konsisten) dalam ibadah dan ketaatan. Ilmu yang benar akan menguatkan ketakwaan kita dan menjadi panduan dalam mengekalkan amalan soleh, serta menghindari daripada kebiasaan buruk yang lalu. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Fatir, ayat 28:

... إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ غَفُورٌ (٢٨)

Maksudnya: ... Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dari kalangan hamba-hamba-Nya hanyalah orang yang berilmu. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Pengampun.

Marilah kita kekalkan hubungan kita dengan Allah *subhanahu wata'ala*, agar hati kita sentiasa dekat dengan-Nya. Semoga kita dapat menjaga tuturbicara dan tingkahlaku kita dengan penuh ketakwaan, dan menjadi saksi yang akan membela kita di akhirat kelak. Dengan menuntut ilmu yang bermanfaat, semoga akal kita diterangi kebenaran dan kebijaksanaan untuk terus berpegang teguh kepada jalan yang diredai Allah *subhanahu wata'ala*.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Umat Islam di negara ini perlu bersyukur apabila dapat menunaikan ibadah dalam keadaan aman dan tenteram. Suasana aman yang dinikmati ini ialah hasil kerjasama semua pihak dan tanggungjawab yang diamanahkan kepada pasukan keselamatan negara seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta agensi keselamatan dan penguatkuasaan yang lain di negara ini.

Tanggungjawab yang dipikul sebagai pelindung keselamatan negara, penguatkuasa undang-undang serta benteng pencegah jenayah adalah sangat besar dan mulia. Tugas ini bukan sekadar satu kerjaya bahkan merupakan amanah dan ibadah apabila di laksanakan dengan penuh keikhlasan kerana Allah *subhanahu wata'ala*.

Justeru, bersempena dengan sambutan peringatan Hari Polis ke-219 pada 25 Mac 2026, marilah kita bersama-sama menghargai jasa dan pengorbanan pasukan polis yang telah menjaga keselamatan negara kita. Bersama-samalah kita mendoakan agar anggota Polis Diraja Malaysia dan agensi keselamatan yang lain dapat melaksanakan tugas dengan penuh integriti dan cekap serta dirahmati Allah *subhanahu wata'ala* dalam apa juga keadaan dan situasi mereka.

Sebagai umat Islam, kita perlu saling bekerjasama dalam membendung dan membanteras pelbagai jenayah di sekitar kita. Keamanan negara bukan tanggungjawab satu pihak sahaja, tetapi tanggungjawab bersama. Tanpa kerjasama dan sokongan daripada

kita, usaha menjaga keselamatan di negara dan negeri yang kita cintai ini tidak akan tercapai.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, mimbar ingin mengajak para jemaah sekalian untuk menghayati beberapa perkara berikut sebagai panduan dan pedoman bersama:

Pertama : Umat Islam hendaklah membudayakan istiqamah atau konsisten dalam melakukan ketaatan dan amal soleh serta meninggalkan segala larangan Allah *subhanahu wata'ala*.

Kedua : Umat Islam hendaklah sentiasa menjaga pertuturan, bersungguh-sungguh menuntut ilmu yang bermanfaat dan memilih serta bergaul dengan sahabat yang baik agar istiqamah atas kebaikan.

Ketiga : Setiap individu bertanggungjawab untuk memastikan tanah air kekal selamat dan sejahtera agar kita dapat menikmati kehidupan yang lebih baik.

Seterusnya, marilah bersama-sama kita menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Fussilat, ayat 30:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
إِنَّ الَّذِينَ قَالُوا رَبُّنَا اللَّهُ ثُمَّ اسْتَقَامُوا تَتَنَزَّلُ عَلَيْهِمُ الْمَلَائِكَةُ أَلَّا تَخَافُوا
وَلَا تَحْزَنُوا وَأَبْشِرُوا بِالْجَنَّةِ الَّتِي كُنتُمْ تُوعَدُونَ (٣٠)

Maksudnya: Sesungguhnya orang yang menegaskan keyakinannya dengan berkata: "Tuhan kami ialah Allah", kemudian mereka tetap teguh di atas jalan yang betul, akan turunkah malaikat kepada mereka dari semasa ke semasa (dengan memberi ilham): "Janganlah kamu bimbang (dari berlakunya kejadian yang tidak baik terhadap kamu) dan janganlah kamu berdukacita, dan terimalah berita gembira bahawa kamu akan beroleh syurga yang telah dijanjikan kepada kamu.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Teruslah istiqamah menghidupkan masjid dan surau dengan solat fardu berjemaah dan majlis-majlis ilmu. Bimbinglah ahli keluarga kita agar tetap menjaga solat lima waktu.

Perkukuhkanlah perpaduan dengan sikap saling menghormati, ziarah-menziarahi dan bekerjasama sesama masyarakat. Pastikan rezeki yang kita perolehi adalah halal lagi baik, agar hidup kita mendapat berkat. Daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda:

((أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا ...))

Maksudnya: *Wahai manusia! Sesungguhnya Allah itu Maha Baik, dan Dia tidak menerima melainkan yang baik ...*

(Hadis riwayat Imam Muslim)

Hindarkanlah diri dan keluarga kita daripada segala perkara yang boleh memudaratkan seperti penyalahgunaan dadah, bahan inhalan dan ketum, perjudian serta segala bentuk maksiat. Semua ini hanya membawa kepada kehancuran hidup dan meruntuhkan masa depan kita dan umat.

Pada hari yang mulia ini juga, perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad sallallahu alaihi wasallam); wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.*

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, bantulah saudara-saudara kami yang memerlukan bantuan di mana sahaja mereka berada, khususnya di bumi Gaza dan Asia Barat. Kurniakanlah mereka

perlindungan, keamanan, dan kemenangan dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih.

Ya Allah, Ya Ghaffaar, ampunilah segala dosa-dosa kami, ibu bapa kami, keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kepada kami kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Kurniakanlah kecemerlangan pendidikan kepada anak-anak kami dalam apa sahaja bidang yang mereka ceburi. Tambahkan ilmu dan kemahiran yang bermanfaat kepada mereka, suburkanlah peribadi mereka dengan akhlak yang mulia dan terpuji. Jadikanlah anak-anak kami pemimpin dalam kalangan orang yang bertakwa.

Ya Allah, Ya Hadi, Ya Hakim, berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Hafiz, Jadikanlah kami umat yang berintegriti, bersatu-padu, dan umat yang terbilang dalam semua bidang yang kami ceburi demi mendukung negara yang maju dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah. Kekalkanlah kesatuan kami dalam akidah, ibadah dan akhlak atas pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Limpahkanlah nikmat keselamatan, kesihatan, dan ketenangan, serta lindungilah kami daripada segala musibah, wabak dan bala yang tidak diingini.

رَبَّنَا أُنْتَ فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.